

Title	Terima tohmahan pemohon bantuan, jemaah
Author	Nur Adilah Mahbob
Publication	Berita Harian, 6 June 2016, Page 1
URL	http://www.beritaharian.sg/setempat/terima-tohmahan-pemohon-bantuan-jemaah

USTAZAH Zuwainah Mohamed Kamalutheen mengimbas peristiwa yang terjadi kepada beliau lima tahun lalu semasa mengendalikan kes seorang individu yang memohon bantuan di masjid.

Ustazah Zuwainah, yang bertugas sebagai pegawai pembangunan sosial (SDO) masjid itu, kenal orang itu kerana telah berulang kali meminta bantuan, dan beberapa kali bantuannya disambung.

Namun, individu itu enggan bekerjasama dengan pihak masjid, termasuk memberi maklumat palsu, dan memberi alasan apabila sukarelawan masjid ingin membuat lawatan ke rumahnya.

Apabila pemohonannya ditolak, beliau marah-marah.

Mendengar kekecohan itu, seorang anggota jemaah masjid memberi duit kepada individu itu.

Ustazah Zuwainah masih ingat lagi kata-kata sinis jemaah itu.

"Tak apa. Ambil ini buat beli makanan anak dan isteri. Tak payah harapkan sangat duit dari masjid ke Muis ini. Penat aja minta," ujar anggota jemaah masjid itu, seperti yang diingati Ustazah Zuwainah.

Terkesan oleh peristiwa itu, Ustazah Zuwainah masuk ke pejabatnya dan menangis dalam diam.

Beliau juga rasa serba salah kerana tidak boleh menceritakan semua perihal individu itu kerana itu keaibannya.

Ustazah Zuwainah mengongsi pengalaman beliau di Facebook Isnin lalu, dan pos itu telah menarik perhatian ramai, termasuk Mufti Dr Fatris Bakaram.

Dalam pos itu, Ustazah Zuwainah meminta individu yang berasa tidak diberi hak sepenuhnya untuk memberi maklumat terperinci tentang kejadian yang berlaku agar siasatan sewajarnya boleh dilakukan.

Jika ada SDO yang membuat kesilapan, Ustazah Zuwainah juga berharap orang ramai tidak akan menganggap semua SDO sama.

"Usah kita menzalimi orang atas alasan menegakkan keadilan bagi orang lain.

"Dua-dua adalah saudara selslam kita. Kita tidak boleh menjatuhkan seseorang untuk menaikkan seseorang yang lain," ujar Ustazah Zuwainah.

Masjid tak bantu? Pegawai tampil beri gambaran sebenarnya

► **NUR ADILAH MAHSOB**
adilaham@sph.com.sg

KISAH bagaimana seorang pegawai masjid, yang terasa dirinya dicemoi dan disindir jemaah masjid, menerima perhatian di media sosial.

Kisah bermula apabila pegawai Masjid Al-Istiqamah, Ustazah Zuwainah Mohamed Kamalutheen, yang menjalankan tugas menyemak kriteria pemohon bantuan, tidak dapat memenuhi permintaan seorang jemaah.

Menerusi luahan kepada rakan-rakannya di Facebook, beliau melahirkan rasa sedih apabila dimarahi peminta bantuan sedangkan peminta bantuan itu enggan bekerjasama dengan memberikan dokumen sokongan, bahkan memberi maklumat palsu demi mendapatkan bantuan.

Tidak selesai di situ, jemaah itu membuat 'kecoh' dengan menuduh masjid "tidak pernah membantunya" sedangkan rekod masjid menunjukkan be-

liau telah berulang kali diberi bantuan.

Lebih menyedihkan bagi Ustazah Zuwainah, beliau disindir seorang jemaah lain yang tampil memberikan wang kepada peminta bantuan berkenaan.

Kisah itu amat menjejaskan beliau hingga tidak dapat tidur malam dan membuatnya menangis dalam diam.

Atas nasihat Mufti Dr Mohd Fatris Bakaram, beliau menyiarkan kisahnya di Facebook kepada umum.

Dalam kiriman Facebooknya beliau berharap jemaah yang tampil meminta bantuan tetapi ditolak diharap dapat memberi butiran penuh seperti nama pemohon, pegawai yang menguruskan permohonan, tarikh dan masa kejadian.

Dengan adanya maklumat itu mudah bagi pihak masjid membuat siasatan sama ada laporan itu benar atau ia sekadar cerita rekaan, kata beliau.

Laporan penuh
- Muka 6